



Risalah

USIM

THE NEWS BULLETIN OF UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Issue no.24, (January-Mac 2015) :: ISSN : 1511-9319



MENJULANG USIM' 16 & USIM' 25 YMLF TAWAN PUNCAK KINABALU

⦿ PENTADBIR HARUS MENEKUNI
ASAS PENUBUHAN USIM - Pendaftar

⦿ USIM STREET DAKWAH



9 771511 931008

integrasi ilmu NAQLI & AQLI

Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) adalah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam ke-12 di Malaysia. Dengan mengambil pendekatan seimbang antara aspek mental, fizikal dan rohani, USIM menekankan perspektif pendidikan yang menyeluruh ke arah penyatuan ilmu Naqli (wahyu) dan Aqli (rasional) selaras dengan falsafah, misi dan visi univesiti. Penawaran model pendidikan yang unik ini membezakan USIM daripada universiti lain di seluruh dunia.

Graduan USIM yang dibentuk berdasarkan paduan ilmu wahyu dan rasional ini bukan sahaja dapat berfungsi sebagai tenaga kerja profesional yang efektif, tetapi pada masa yang sama bersedia untuk menyumbang dan membuat perubahan kepada masyarakat. Selain bersedia dalam menghadapi cabaran global semasa, graduan USIM yang dilengkapi dengan kesepaduan antara teori dan amali juga mampu melahirkan idea dan penyelesaian yang relevan dalam menangani permasalahan ummah dan manusia sejagat.

SIDANG EDITORIAL

Penaung

YBhg. Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad
Naib Canselor

Ketua Editor

Dr. Mohd Faizal Kasmani
Pengarah
Pusat Komunikasi Strategik (StraComm)

Sidang Editor

En. Asri Husain
Prof. Madya Dr. Rosni Samah
Pn. Norhana Abdullah
En. Mohd Zaini Othman
Pn. Syazlyna Jamil
Pn. Noorumaina bt Mohamed Yunus
Pn. Suriati Alias

Konsep & Rekabentuk

En. Mohd Saiful Abdul Samad
Cik Wahida Hj Abas
En. Mohd Mua'limin Ab. Jalil

Jurugambar

En. Kamarull Syamzari Kamaruddin
En. Mohd Yusrizal Mohd Yunus
En. Ahmad Adib Jumhuri

ISI KANDUNGAN

Diambang USIM'16	-3
Amanat Naib Canselor	-4
Salur Iltizam dan Hasrat Melalui Pidato Pengukuhan Pentadbiran - Pendaftar	-5
Profesor Dr Zulkiple bin Abd Ghani Timbalan Naib Canselor (Akademik Dan Antarabangsa) USIM	-6
Profil Pelajar	-7
Artikel	-8
Artikel: Kementerian Pendidikan Iktiraf Usim Dengan Status Autonomi	-9
Artikel: Siswi Usim Wakil Tunggal Malaysia Ke Asian Youth Forum di Bangkok	-10
Inovasi: Pelajar Seni Bina Cipta Reka Bentuk Rumah	-11
Mangsa Banjir	-11
CoE: INFAD	-12
Artikel	-13
Artikel: Usim Terima 50 Pelajar Sulung Kolej Permata Insan	-14
Artikel	-16
KOMUNITI: Usim Dekati Masyarakat Melalui Karnival Pagoh	-17
Kembara: Mendakap Awan di Puncak Gunung Kinabalu	-18
SUKAN	-20
GST...Ready, Set, Go!	-21
MPP: Bicara Siswi Aktiviti Riadah Kupas Ilmu Berkaitan Wanita	-22
Artikel	-23
GISO	-24
Artikel: Sukarelawan USIM	-25
Bantu Mangsa Banjir	-25
USIM ALAMIYYAH	-26

Assalamualaikum,

Tahun 2015 merupakan tahun yang cukup penting buat USIM. Ini kerana kurang dari setahun lagi kita akan menjengah ke era USIM'16, satu sasaran pencapaian signifikan dalam perancangan pelan strategik USIM. USIM'16 mensasarkan universiti menjadi pusat rujukan serantau dalam Integrasi ilmu Naqli dan Aqli.

Jika melihatkan kepada kerjasama dengan institusi pendidikan serantau melalui memorandum perjanjian (MOA) dan memorandum persefahaman (MOU) yang telah dan bakal ditandatangani, USIM seperti sudah bersedia. Tahun 2014 sahaja lebih 25 MOU dan MOA ditandatangani, antaranya bersama rakan strategik dari luar negara seperti International Islamic University Chittagong, Bangladesh dan Universitas Muhammadiyah Jogjakarta.

Mahasiswa USIM juga sudah menjadi sebahagian daripada global citizen melalui penganjuran program pengantarabangsaan seperti Global Islamic Student Outreach (GISO). Program GISO khususnya menyaksikan lebih daripada 30 negara telah dilawati oleh mahasiswa USIM dalam usaha melaksanakan tugas sebagai insan yang prihatin dalam memberikan bantuan serta menjalankan khidmat masyarakat kepada umat Islam sekaligus memperkenalkan keunikan USIM kepada dunia

Kejayaan pelajar dan tenaga akademik USIM di peringkat antarabangsa juga bukan lagi satu perkara yang asing. Kejayaan mahasiswa USIM di British Invention Show serta kaliber tenaga pakar akademik USIM yang terpilih sebagai Sarjana Pelawat

di Amerika Syarikat dan Rusia contohnya, menjadi bukti bahawa USIM sudah mula menjadi rujukan bukan sahaja di peringkat serantau, tetapi juga di peringkat global.

Namun masih banyak lagi cabaran yang perlu kita harungi dan tangani pada tahun ini bagi menyediakan warga universiti menghadapi USIM'16. Meminjam kata-kata Dato' Naib Canselor semasa amanat tahun baru beliau, "mendaki Gunung Kinabalu dapat dianalogikan dengan sasaran USIM untuk menjadi Pusat Rujukan Integrasi Naqli dan Aqli. Banyak cabaran yang dihadapi oleh pendaki sebelum dan sampai ke puncak pendakian." Dato' Naib Canselor jelas sudah berjaya menawan puncak Gunung Kinabalu. Kini tiba masanya untuk kita bersama-sama beliau menggapai puncak USIM'16.



Dr. Faizal Kasmani
Ketua Editor



MEMPERKASA BUDAYA INTEGRASI ILMU NAQLI DAN AQLI

Oleh : Noorumaina Mohamed Yunus

Warga USIM disaran menghayati, memahami dan mendukung visi dan misi USIM serta bekerja dalam semangat keserakanan. Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad, Naib Canselor USIM pada majlis amanat beliau berkata, ini bagi mendukung hasrat untuk menjadikan USIM sebagai pusat rujukan integrasi Naqli dan Aqli, di peringkat serantau menjelang tahun 2016 dan diperingkat global tahun 2025.

Pusat Tanggungjawab (PTJ) baru atau diberi nama Pusat Pengembangan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli bakal menjadi penggerak utama untuk merealisasikan halatuhu USIM iaitu untuk menjadi universiti terkemuka dunia dalam integrasi ilmu Naqli dan Aqli melalui pendekatan pelan tindakan yang strategik, komprehensif dan efektif.

“Objektif penubuhannya bagi memperkasakan budaya integrasi ilmu Naqli dan Aqli dikalangan warga USIM melalui program latihan. Pusat ini juga memainkan peranan untuk menyebar luas falsafah, prinsip dan amalan integrasi ilmu Naqli dan Aqli dikalangan masyarakat khususnya organisasi awam dan industri melalui seminar dan program libat sama”, jelas Dato' Musa.

Sebanyak dua belas (12) tindakan strategik telah diatur bagi merealisasikan hasrat USIM'16 antaranya pemerkasaan agenda integrasi Naqli dan Aqli melalui penubuhan Pusat Pengembangan Integrasi Naqli dan Aqli, penjanaan kewangan dan autonomi, dengan meningkatkan sumbangan pelbagai dana wakaf, Zakat dan Endowmen; memperkasakan anak syarikat USIM

dan melaksanakan aktiviti penjanaan pendapatan PTJ melalui Akaun Enterprise, pengembangan akademik dan e-Pembelajaran, dengan bakal menawarkan tiga (3) program pengajian baharu pada tahun 2015 seperti Sarjana Muda Perbankan dan Kewangan Islam dengan Kepujian, Sarjana Perbankan Islam dan Sarjana Kewangan Islam. Selain, memperkenalkan beberapa program baharu seperti Massive Open Online Course (MOOC) Kebangsaan, dan juga Kursus MOOC Edraak dan turut bekerjasama dengan universiti luar negara dalam penawaran program pasca-siswazah secara atas talian (ODL).

Beliau menambah, kekuatan mental dan semangat yang tinggi di samping rasa cinta yang mendalam kepada USIM adalah faktor yang membawa kepada pencapaian sasaran USIM '16 yang selari dengan kempen #iloveusim yang telah dilancarkan pada tahun lepas.

Kempen #iloveusim akan terus dipertingkatkan pada tahun ini apabila 17 tema telah diperkenalkan pada tahun lepas dan pada tahun ini 13 tema lagi akan menyusul.

Majlis turut melancarkan logo sambutan 15 tahun USIM dan penyampaian anugerah e-pembelajaran USIM tahun 2014 kepada pensyarah aktif dan inovatif GOALS seramai 18 orang yang disampaikan oleh Pengerusi LPU, YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukur Hj. Husin.



SALUR ILTIZAM DAN HASRAT MELALUI PIDATO PENGUKUHAN PENTADBIRAN - PENDAFTAR

Oleh : Syazlyna Jamil

Satu perkongsian berdasarkan pengalaman dan matlamat yang didukung sepanjang bergelar pentadbir di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), dikongsi oleh Encik Haizuan Rozali, pendaftar USIM bersama Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Dengan tajuk “Peningkatan Empati Pentadbiran Dan Melestarikan Kecemerlangan” Pidato Pendaftar diadakan pada 5 Mac lalu bertempat di Dewan Kuliah Utama.

Menurut beliau perlu ada satu semangat untuk disalurkan kepada Kumpulan Pentadbir USIM bagi mencetus keyakinan bahawa laluan yang dipilih di hadapan adalah realiti yang perlu dihadapi untuk kecemerlangan universiti.

Beliau berkata USIM sebagai sebuah pusat ilmu yang beriltizam mengembalikan kecemerlangan ilmu Islam serta menjadi motivasi kepada warganya untuk mencapai matlamat menjadikan kerja dan tugas sebagai ibadah dan amanah yang harus dilaksanakan sebaik-baiknya.

Pengalaman beliau dalam membawa USIM di peringkat awal bersama rakan seperjuangan dalam memupuk aspek fizikal sentiasa dibayangi oleh perspektif masyarakat tentang apakah relevannya universiti ini ditubuhkan. Namun, pandangan orang ramai itulah yang mencetus keyakinan mereka sebagai kumpulan penggerak bahawa ada sesuatu yang bernilai yang mampu dibawa oleh USIM.

“Kita sentiasa menekuni matlamat asas penubuhan USIM dalam membina kepercayaan pemegang taruh melalui Pelan Strategik yang ideal dan mengangkat maruah institusi ini melalui konsep 3R (Referred, Relevan dan Respected). Ia menunjukkan bahawa kita harus menjadi pemain utama tanpa perlu menjejir

kedudukan ranking semata-mata tetapi menempatkan USIM di kedudukan yang konsisten dalam menjadi “Nombor Satu di Hati dan Minda Masyarakat”.

“Kita seharusnya mendalami ungkapan YBhg Tun Dr Mahathir yang semasa Majlis Pecah Tanah USIM yang dulunya KUIIM iaitu jangan ada dikalangan kita yang mengkhianati penubuhan Universiti ini”, tambah Encik Haizuan.

Beliau mengajak warga pentadbir untuk memaksimumkan fokus, sentiasa berinisiatif dan menerapkan ciri-ciri kebersamaan antara sesama pentadbir untuk membina kecemerlangan Universiti. Ini kerana rasionalnya seorang pentadbir haruslah menguasai dengan mendalam tentang keseluruhan sumber operasi, keperluan dan kehendak organisasi serta memiliki kecergasan fizikal dan emosi dalam melaksanakan tugas yang dipikul.

Beliau menegaskan dalam membina pentadbir cemerlang dan usaha mempamerkan warga pentadbir sebagai suatu kelompok profesional, penyediaan latihan atau kursus serta keterlibatan dalam program-program yang diatur oleh Universiti berupaya membina aspek-aspek kepimpinan untuk mewujudkan ciri-ciri individu berketerampilan untuk dikenali sebagai pesona pentadbir insan seimbang.

Harapannya adalah agar warga USIM jelas dengan konsep, tujuan serta pulangan terhadap kerja malah perlunya kita sentiasa pandang ke hadapan termasuklah sentiasa bersedia memainkan peranan berpaksikan hasrat dan strategi yang telah direncanakan. Ia berkait rapat dalam mendukung Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli yang mana akan menjadikan kita sebagai hamba Allah yang kenal erti bersyukur dan sedar bahawa amanah itu seharusnya dilaksanakan sebaiknya.



Profesor Dr Zulkiple Bin Abd Ghani TIMBALAN NAIB CANSEROR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA) USIM

Oleh : Zaini Othman

NILAI, 20 Jan 2015 - Prof Dr Zulkiple bin Abd Ghani, Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dilantik secara rasmi oleh YAB Menteri Pendidikan sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) USIM yang baharu bagi tempoh tiga tahun berkuatkuasa 15 Januari 2015 hingga 14 Januari 2018.

Prof. Dr. Zulkiple, 50, anak kelahiran Kedah berkelulusan PhD dari Universiti Edinburgh (1996) dalam bidang Dakwah, Komunikasi dan Media Islam; dan Sarjana Muda Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM, 1990). Kerjaya akademik beliau bermula di UKM sebagai pensyarah di Jabatan Dakwah dan Kepimpinan UKM (1996-2001); Ketua Jabatan Jabatan Dakwah dan Kepimpinan (1997-2003); dan Fellow Kanan Institut Islam Hadhari UKM (2007-2009). Beliau kemudiannya berhijrah ke USIM pada 2009 sebagai Profesor di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP); Timbalan Dekan (Akademik dan Penyelidikan) FKP (2010-2012) dan seterusnya dilantik sebagai Dekan FKP pada 1 Mac 2012.

Sepanjang berkhidmat di USIM, Prof. Dr. Zulkiple telah memberi sumbangan yang signifikan kepada Universiti melalui peranan beliau sebagai Ahli Lembaga Pengarah Universiti; ahli Senat Universiti; Ketua Jawhar bagi Ulum Islamiyyah dan Pembangunan Ummah di bawah Kluster Penyelidikan; dan Ketua Pengarang bagi Jurnal 'Ulum Islamiyyah.

Kepimpinan dan pengalaman beliau dalam bidang pendidikan tinggi turut diiktiraf pihak luar antaranya dilantik sebagai Ahli Panel Majlis Perundingan Islam

(MPI) oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 30 Jun 2014 untuk memberi nasihat dan pandangan asas kepada Kerajaan dalam Pengurusan Hal Ehwal Islam; Pengerusi Penggubal Kurikulum Institut Kemahiran Islam Sarawak (IKMAS) di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM); serta terlibat memberi konsultasi akademik kepada beberapa Kolej Universiti Islam negeri seperti Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (KUISAS).

Prof. Dr. Zulkiple turut dilantik menganggotai beberapa badan professional seperti ahli Majlis Profesor Negara; Persatuan Intelektual Muslim Malaysia (PIMM); dan Arab-US Association of Communication Scholars (AUSACE). Beliau juga terlibat sebagai ahli panel bagi Anugerah Akademik Negara (AAN) dan panel penilai bagi beberapa geran penyelidikan seperti LRGs, FRGS dan TRGS.

Sebagai seorang ahli akademik, beliau telah menerbitkan lebih daripada 17 buah buku sebagai penulis dan editor, lebih daripada 30 artikel dalam jurnal-jurnal tempatan dan antarabangsa, menyelia lebih daripada 40 pelajar pasca-siswazah dan menyertai lebih daripada 100 persidangan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kejayaan beliau di dalam bidang penyelidikan juga amat terserlah antaranya memenangi Pingat Emas di 23th International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX 2012), Pingat Perak dalam Ekspo Inovasi Islam (i-Inova 2012) dan Ekspo Penyelidikan dan Inovasi UKM (2005) serta penerima Anugerah Penyelidikan USIM 2013.



IQMAL HISHAM – ALUMNI SULUNG MENERIMA PINGAT TUNKU ABDUL RAHMAN

“USIM Aqli & Naqli menjadikan saya seorang yang berpengetahuan dengan lebih mendalam mengenai ekonomi yang berlandaskan syariah dan menuntut perjuangan dalam membawa ekonomi Islam untuk dijadikan sebagai pengalaman bukan sahaja di Malaysia tetapi di dunia keseluruhannya.”

Oleh : Zaini Othman

Kecemerlangan dalam akademik dan nilai kepimpinannya telah menonjol sejak zaman persekolahan. Baru-baru ini beliau menjadi graduan sulung USIM menerima Anugerah Pingat Tunku Abdul Rahman sejak ia diperkenalkan oleh Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) pada 2010.

Anugerah pingat berprestij yang diperbuat dari perak padu 32g ini disampaikan sendiri oleh YB Dato' Seri Idris Jusoh, Menteri Pendidikan II merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YTAR dalam satu majlis khas di Memorial Tunku Rahman Putra, Kuala Lumpur. bersama wang tunai RM 3000.

Iqmal memulakan langkah beliau di USIM dengan menjadi pelajar Tamhidi Perakaunan sebelum meneruskan pengajian Sarjana Muda di Fakulti Ekonomi dan Muamalat. Dalam Majlis Konvokesyen Ke-12 pada tahun lalu, beliau dianugerahkan Anugerah Pelajaran DiRaja – Pingat Jaya Cemerlang.

Merupakan seorang pelajar yang cemerlang di dalam akademik dan kokurikulum antaranya menerima Anugerah Dekan bagi setiap semester pengajian, penerima Anugerah Tokoh Siswa Kebangsaan anjuran Kementerian Pendidikan bagi Kategori Pemimpin Program Pengucapan Awam Terbaik 2013 dan Anugerah Tokoh Perdana Siswa USIM 2013.

Amat aktif dalam bidang pengucapan awam sejak zaman persekolah, bakat ini terus digilap semasa di Universiti apabila menjadi pendebat Bahasa Melayu Universiti dan mewakili USIM ke beberapa pertandingan debat utama. Kebolehannya ini mendapat perhatian Kementerian Pendidikan apabila Iqmal telah dipilih mewakili Malaysia ke World Heritage Youth Forum Qatar 2014.

Antara penglibatan lain beliau adalah menjadi Pengerusi Kelab Debat USIM Sesi 2012/2013, penggerak Program Malam Cinta Rasul Negeri Sembilan 2013 dan mewakili USIM ke Program Jejak Mahasiswa Ke Parlimen 2014

Beliau kini sedang melanjutkan pengajian dalam bidang Sarjana Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat di USIM melalui tajaan Skim Felo Siswazah USIM. Masih aktif berbakti kepada Universiti khususnya dalam program pembangunan mahasiswa, Iqmal menyimpan hasrat yang tinggi untuk meneruskan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah dan kembali mencurahkan bakti dan ilmu di USIM semula sebagai seorang pensyarah kelak.

ENAM BUAH SEKOLAH DIPILIH MENJADI SEKOLAH ANGKAT USIM

Oleh : Zaini Othman

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) meluaskan jalinan strategik dan kolaborasinya dengan sekolah-sekolah di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan melantik enam buah sekolah baharu sebagai Sekolah Angkat pada Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Sekolah Angkat 2015 yang berlangsung di Dewan Senat Canselori.

Menurut Prof. Dr. Zulkiple Abd Ghani, Sekolah Kluster ini adalah di bawah kategori Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) yang diamanahkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kepada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) terpilih termasuk USIM untuk memainkan peranan sebagai mentor. Manakala Sekolah Angkat pula dipilih berdasarkan kriteria tertentu yang telah ditetapkan oleh Pengurusan Universiti.

“Kita bertekad ingin memacu dan berkongsi ilmu bersama Sekolah Kluster dan Sekolah Angkat ini dalam pentadbiran dan akademik terutamanya melalui pendekatan ilmu Naqli dan Aqli di samping mendedahkan sistem “best practices” di antara Universiti dan sekolah-sekolah supaya mampu diaplikasikan demi kecemerlangan sejagat”.



“Pelbagai aktiviti tahunan berbentuk akademik dan kepimpinan diatur sepanjang tahun untuk pelajar sekolah yang terlibat. Bagi aktiviti terdekat yang bakal dilaksanakan, USIM akan mengadakan Kem Bersepadu Kadet Pertahanan Awam Malaysia bersama mereka pada hujung bulan ini di Port Dickson.” ujarnya lagi.

Pemilihan sekolah angkat baharu ini merupakan sebahagian dari program khas yang diwujudkan oleh Universiti iaitu Program Sekolah Kluster dan Sekolah Angkat USIM yang ditadbir oleh Pusat Tamhidi. Sehingga kini, USIM telah mengiktiraf sebanyak 9 buah Sekolah Kluster dan 21 buah Sekolah Angkat menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 30 buah sekolah setakat ini.

Penyerahan Watikah disampaikan oleh Profesor Dr. Zulkiple Abdul Ghani, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) kepada SMA Sultan Ismail, Dungun, Terengganu; Sekolah Menengah Persekutuan Bentong, Pahang; SMKA Tun Ahmadshah, Kota Kinabalu, Sabah; SMK Tuanku Muhammad, Kuala Pilah, N.Sembilan; SMK Taman Tunku Jaafar, N.Sembilan dan SK KLIA, Sepang, Selangor.

USIM METERAI MOU BERSAMA UNIVERSITI NIGERIA

Oleh : Noorumaina Mohamed Yunus

Satu Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara USIM dengan dua universiti terkemuka di Nigeria sebagai rakan strategik iaitu Al-Qalam University dan University of Ilorin berlangsung pada 5 Januari 2015 bertempat di Galeri, Canselori.

Menurut Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad, Naib Canselor USIM, MoU ini merupakan inisiatif universiti bagi memenuhi kehendak serta keperluan institusi untuk menggalakkan pemindahan kepakaran dan idea.

“Menerusi MoU yang ditandatangani bersama Universiti Al Qalam dan Universiti Ilorin, pelbagai peluang akan dicapai menerusi sesi bengkel dan latihan yang bakal dijalankan secara bersama serta penerokaan projek-projek penyelidikan dan pembangunan”.

“Selain itu, kita juga akan bekerjasama dalam penerbitan percambahan idea bagi isu-isu kepemimpinan dan pengurusan di dalam Islam”, tambah beliau lagi.



USIM diwakili oleh Naib Canselor, YBhg Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad, Al Qalam University diwakili oleh Naib Canselor Prof. Shehu G. Ado, Universiti of Ilorin diwakili oleh Naib Canselor Prof. Abdulganiyu Ambali. MoU ini disaksikan oleh Dato' Prof Asma Ismail, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Pendaftar USIM, Encik Muhammad Haizuan Rozali.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN IKTIRAF USIM DENGAN STATUS AUTONOMI

Oleh : Zaini Othman

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mencipta kejayaan membanggakan di awal jendela tahun baharu 2015 apabila menerima pengiktirafan dari Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan penganugerahan status autonomi kepada Universiti ini.

Penyampaian watak autonomi ini disampaikan oleh YAB Tan Sri Dato' Hj Muhyiddin Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan kepada Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukur Hj Husin bersama Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Musa Ahmad sempena Majlis Perutusan Tahun Baharu 2015 Kementerian Pendidikan di Dewan Plenari, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

USIM pada 2011 telah dipilih oleh Kementerian Pendidikan bersama UKM dan USM sebagai universiti projek perintis (pilot project) untuk penguatkuasaan autonomi sebelum dasar ini dilaksanakan. Pengalaman yang diambil semasa terlibat dalam projek rintis ini menjadikan USIM membuat persiapan terbaik dan menyeluruh apabila penguatkuasaan sebenar (audit kedua) dijalankan oleh KPM. Status autonomi diberikan apabila sesebuah IPTA melepasi penilaian tahap kesediaan autonomi melebihi skor 85% dalam komponen tertentu yang dinilai.

“Autonomi ini ialah satu tanggungjawab dan amanah yang perlu kita tunaikan selepas ini. Universiti harus lebih peka dan berusaha keras kerana pihak Kementerian akan sentiasa memantau untuk memastikan kita sentiasa memenuhi kriteria yang ditetapkan. Oleh itu, semua kaitangan USIM dipelbagai peringkat perlu memberi perhatian kepada autonomi ini kerana apabila ia berhasil akan memberi banyak faedah kepada Universiti,” ulas Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukur Hj Husin.

“Universiti harus lebih peka dan berusaha keras kerana pihak kementerian akan sentiasa memantau untuk memastikan kita sentiasa memenuhi kriteria yang ditetapkan.”

Autonomi yang diberikan ini adalah mencakupi empat bidang iaitu Governan Institusi; Kewangan dan Penjanaaan Pendapatan; Pengurusan Sumber Manusia; dan Pengurusan Akademik dan Kemasukan Pelajar.

Dengan pemberian autonomi ini, IPTA berhak untuk melaksanakan perkara-perkara di dalam Pekeliling/ Surat Pekeliling yang telah diluluskan atau diberi penurunan kuasa oleh Agensi Pusat kepada Lembaga Pengarah Universiti/Lembaga Governan Universiti (LPU/LGU). Melaluinya, peranan LPU/LGU selaku pembuat keputusan akan terus diperkasakan selaras dengan tanggungjawab yang diberikan bagi memastikan sumber universiti ditadbir secara integriti dan akauntabiliti.



SISWI USIM WAKIL TUNGGAL MALAYSIA KE ASIAN YOUTH FORUM DI BANGKOK

Oleh : Zaini Othman

Pelajar program Bioteknologi Makanan, Fakulti Sains dan Teknologi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Saudari Fairus Abdul Manaf, 22 menjadi wakil tunggal Malaysia bagi menyertai Asian Youth Forum kali Ke-13 (AYF '13) di Bangkok Thailand bermula 27 Januari hingga 2 Februari 2015.

Beliau bersama-sama 67 orang peserta lain yang mewakili pelbagai negara seperti Bangladesh, China, Indonesia, Japan, Italy, Rusia, Korea Selatan, Thailand, Mongolia dan Filipina mengikuti pelbagai pengisian yang diatur sepanjang berada di sana. AYF ini merupakan program tahunan peringkat antarabangsa yang menyasarkan pelajar university dan remaja telah diasaskan oleh Profesor Kip Cates dari Universiti Tottori, Japan pada tahun 1999.

Penganjuran AYF saban tahun bertujuan untuk menghimpunkan para pelajar Intitusi Pengajian Tinggi di Asia khususnya dalam satu konvensyen antarabangsa sebagai satu platform untuk para peserta saling bertukar dan berkongsi idea, pandangan dan pemikiran berkaitan isu budaya, bahasa, kepimpinan, sosial dan global.

Sepanjang Forum Belia Asia ini juga, para peserta digalakkan untuk berkomunikasi antara satu sama lain melalui bahasa Inggeris. Melaluinya, pelbagai perspektif baharu dalam menghadapi dan menyelesaikan cabaran dunia masa kini dapat ditonjolkan secara berkesan.

Fairus ketika dihubungi melahirkan perasaan teruja beliau dapat bersama-sama dengan pelajar Universiti dari pelbagai negara.

“Menurut penganjur, terdapat beberapa permohonan dari Malaysia untuk menjadi peserta AYF kali ini, tetapi selepas senarai pendek dikeluarkan, hanya saya seorang sahaja dipilih”.

“Terima kasih kepada Universiti khususnya USIM Alammiyah atas peluang yang diberikan. Ini satu tanggungjawab besar bagi saya dan Alhamdulillah, ketika sesi pembentangan mengenai keunikan Malaysia, ia berjalan lancar dan mendapat respon positif para hadirin”.

“Kami diberi peluang untuk berbincang dan bekerjasama dalam pelbagai aktiviti yang memupuk semangat kerja berpasukan dan saling bantu-membantu selain terlibat dalam sesi berbentuk akademik, bengkel, mendengar ucap-tama dari tokoh terkemuka dan sesi forum terbuka” ujarnya.

Penganjuran AYF mendapat kerjasama beberapa organisasi seperti Japan Association for Language Teaching (JALT), Thai TESOL, Far Eastern English Language Teachers Association (FEELTA), Philippine Association of Language Teachers (PALT), Bangladesh English Language Teachers Association (BELTA) dan KoTESOL.

Antara bandaraya yang pernah menjadi tuan rumah penganjuran AYF sebelum ini adalah Seoul, Korea Selatan; Kokura dan Tokyo, Jepun; Taipei, Taiwan; Vladivostok, Rusia; dan Manila, Filipina.



PELAJAR SENI BINA CIPTA REKA BENTUK RUMAH MANGSA BANJIR

Oleh : Noorumaina Mohamed Yunus

Model rumah hasil rekaan sekumpulan pelajar program Seni Bina Fakulti Sains dan Teknologi (FST), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menjadi pilihan oleh pihak TESCO Store (Malaysia) Sdn. Bhd untuk dibina bagi mangsa banjir di Kampung Belian dan Kampung Laut, Tumpat Kelantan.

Rumah ini merupakan hasil rekaan 8 orang pelajar Seni Bina USIM yang terdiri daripada Wan Mohd Azly Wan Mohamad, Bibi Nur Bashirah Baharun, Muhammad Izzat Irfan Mustaffa, Mohd Farizal Zulkepli, Nasrin Majdina Ramli, Mohd Safuan Mohd Fadzil, Mohd Azry Hadi Abd Manan dan diketuai oleh Luqman Hakkim Yusof.

Merupakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) iaitu Projek Shelter TESCO, sebanyak lapan unit rumah yang bernilai RM 55,000 seunit dengan keluasan 740 kaki persegi yang mempunyai tiga bilik tidur, dua bilik air, ruang tamu dan dapur ini telah bermula pembinaannya. Dijangka siap pada Julai nanti, ia pastinya menjadi anugerah yang bermakna dan menggembirakan buat keluarga terpilih menjelang Hari Raya Aidilfitri.

Pembinaan rumah berdasarkan rekaan USIM ini mengambil masa yang singkat kerana menggunakan



kaedah pasang siap. Selain itu, ia berkonsepkan modular sistem dan bahan binaan yang digunakan adalah dari bahan kitar semula dan bercirikan mesra alam. Reka bentuk rumah ini juga unik kerana patuh Syariah dan memenuhi prinsip seni bina Islam seperti pintu masuk utama menghadap kiblat dan ruang dapur yang terlindung.

TESCO mengadakan pelancaran rasmi model rumah Projek Shelter hasil kreativiti arkitek muda ini dalam Majlis Minum Petang Penghargaan Bantuan Banjir TESCO baru-baru ini dan akan disusuli dengan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) diantara USIM dan TESCO pada 14 April bertempat di Majestic Hotel, Kuala Lumpur yang disaksikan oleh YB Dato' Seri Hasan Malek, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Projek Shelter ini merupakan permulaan yang baik bagi program Seni Bina USIM khususnya kerana ia selari dalam mengangkat niche (kebitaraan) USIM iaitu menjadi Universiti yang menerajui intergrasi ilmu Naqli dan Aqli.

Model rumah yang dihasilkan ini mendapat bimbingan daripada Ar. Fadli Arabi, Ar. Elina Mohd Husini dan Ar. Wan Norisma Wan Ismail yang merupakan pensyarah program Seni Bina di FST. Pemilihan model rumah ini secara tidak langsung merupakan satu pengiktirafan kepada kemampuan 'arkitek muda' USIM menghasilkan sesuatu yang menepati citarasa industri.

INFAD: MALAYSIA'S PIONEER IN FATWA RESEARCH

Prepared by: Nisar Mohammad Ahmad
Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD)

The World Fatwa Management and Research Institute, better known in its Malay acronym as INFAD, is the first Centre of Excellence (CoE) established in Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Its core research area is fatwa which, among others, includes the issues as diverse as fatwa and aqidah / deviant teachings, fatwa and zakat / muamalat, fatwa and science, fiqh and Islamic law, fatwa institution and governance, fatwa and medical issues, fatwa and halal issues etc.

Today, after nearly 13 years of its establishment, INFAD has grown rapidly and steadily to be the leading CoE focusing on fatwa-based research not only within USIM but also in the country. INFAD has been widely recognised as a reliable and authoritative body in the field of fatwa and contemporary fiqh issues. To this end, the outcomes and findings from INFAD's researches have been referred by Fatwa Institution / Departments as a guideline in issuing any fatwa.

The recognition of INFAD's expertise in fatwa was also evident to the fact that it has been awarded research grants by JAKIM, Fatwa Department in Perak, Selangor and Negeri Sembilan (to name a few) to undertake short-term and long-term research projects. These projects cover various topics which aimed at tackling the contemporary issues within the society.

In addition, to empower its research agenda, INFAD has recently received financial support from Islamic Religious Council, Negeri Sembilan (MAINS) to establish a Distinguished Fellow Chair in Fatwa research. The Chair position which will be held by a prominent scholar is expected to enhance INFAD's reputation and contribution in the field of fatwa. To be specific, the goal of this Chair position is to come out with research outcomes on the issues of ahli sunnah wal jamaah.

Moreover, in its pursuit to enhance and inculcate the culture of intellectual discourse, in particular in the area of fatwa, INFAD has organised a series of discourse namely 'Bicara Faqih' (expert discourse) and

“...INFAD has embarked in a number of strategic networking and partnership with relevant institutions from within and outside Malaysia.”

Muzakarah. The invited speakers in these discourses are the renowned scholars in the field of fatwa and fiqh from both Malaysia and abroad. After 6 series, these discourses have attracted satisfactory participation from USIM's staffs and students. 'Bicara faqih' has now become INFAD's brand name for its intellectual discourse.

INFAD establishment, as rightly indicated in its name, was not only meant to be a national-based fatwa institution, but rather to also have a global reach and impact. As such, to empower its international agenda, INFAD has embarked in a number of strategic networking and partnership with relevant institutions from within and outside Malaysia. For example, in 2014, INFAD has established networking with Dar al-Ifta of Egypt in Cairo as well as with University of Sharjah in the United Arab Emirates (UAE).

In the same spirit, INFAD also aims to expand its engagement with regional fatwa institutions such as from Brunei, Singapore and Indonesia. Not to forget, INFAD is also or has been in the process to strengthen its existing partnership with local fatwa committee / departments to seek any opportunity to undertake relevant research or academic activities in fatwa and fiqh.

Finally, INFAD wishes to do its best to enhance the people knowledge in fatwa as well as to help fatwa institution in taking fatwa to the next level. It aspires to embrace and achieve the 3-R vision of "respect, relevant and respect" thus to be the country's highly reputable research organisation in fatwa which will finally will enhance its contribution to the ummah at large.

“USIM STREET DAKWAH” PENDEKATAN KREATIF MELALUI DAKWAH JALANAN

Oleh : Noorumaina Mohamed Yunus

Pendekatan kreatif melalui dakwah jalanan atau Street Dakwah yang dianjurkan oleh Pusat Kebudayaan USIM pada 28 Februari lalu mendapat sambutan yang meriah dikalangan pengunjung dalam dan luar negara di sekitar Kompleks Pasar Seni, Kuala Lumpur.

Program 'USIM Street Dakwah' ini menonjolkan kelainan dengan menyampaikan mesej santai berbentuk nasihat, doa dan pedoman kepada masyarakat dengan diselangi persembahan muzik busking berkonsepkan muzik Islam yang disertai seramai lebih 30 Urus Setia Kesenian Pelajar (UKP) USIM.

Program yang julung kali diadakan ini, turut mendapat kerjasama dari Kumpulan Utusan Malaysia, Malaysia Busker's Club dan juga Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) iaitu bersempena menyambut Hari Wanita Antarabangsa.

Menurut Mohamad Aizat Mohamad Sani, pengerusi UKP, pengisian program ini lebih kepada sharing knowledge dan sharing awareness, dimana setiap persembahan nyanyian yang disampaikan akan diselangi dengan nasihat dan mesej kepada kebaikan antaranya,



pelajar Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan USIM berkongsi khasiat makanan sunnah, manakala Imam Muda Nazrul menyampaikan ceramah ringkas berkenaan isu dan hak wanita

Program yang berlangsung selama dua jam ini turut dihiburkan dengan persembahan seni seperti deklamasi puisi, dikir barat dan beberapa artis jemputan seperti Siso Koprata, Akusuka Buskers, dan I'm Muzika dan Asrul rajalawak sebagai pengacara program.

Di akhir program Naib Canselor USIM, Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad turut mendeklamasi puisi bertajuk 'kedamaian', yang menyeru kita sebagai rakyat Malaysia harus saling mendamaikan sesama kita, menghargai makna keadilan dan mencintai kesejahteraan.

Turut hadir sama pada program itu ialah Pengarah Pusat Kebudayaan Encik Ismail Ahmed, Pengarah Urusan Kumpulan Utusan Datuk Mohd Noordin Abbas, Puan Che Azidah Che Rasyid Timbalan Ketua Pengarah JPW, Prof. Madya Dr. Muhammad Shamsir Mohd Aris Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dan Encik Wady Hamdan Presiden Malaysian Buskers Club.

SAMBUT HARI HUTAN ANTARABANGSA DI HUTAN LIPUR GUA BATU MALOI

Oleh : Noorumaina Mohamed Yunus

Memupuk semangat cintakan hutan dan alam sekitar, seramai 42 pelajar Unit Perlindungan Perubatan Pelajar (U3P), bersama staf Pusat Kesihatan Universiti dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan meneroka kawasan Hutan Lipur Batu Maloi di pada 23 Feb 2015. Terletak kira- kira 8 km dari Pekan Johol melalui Jalan Tampin-Kuala Pilah, Hutan Lipur Batu Maloi merupakan sebahagian Hutan Simpan Gunung Tampin yang merupakan jenis hutan Dipterokarpa Pamah.

Program julung kali anjuran Pusat Kesihatan Universiti, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan ini merupakan Program Kesihatan bagi skop Kecergasan. Ini program kali kedua seumpunya selepas Bukit Fraser pada tahun lalu.

Objektif penganjurannya adalah bagi meningkatkan pembangunan sendiri dan keperibadian pelajar, selain



memberi kesedaran kepentingan menjaga hutan dan alam sekitar dan mendidik sikap tolong menolong dan saling bekerjasama dalam satu pasukan.

Menurut Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan, Dato' Hj Ahmad Fadzil bin Abdul Majid, program ini diadakan bersempena Hari Hutan Antarabangsa yang disambut pada 21 Mac setiap tahun.

Selain itu, sempena program ini pihak Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan turut melancarkan majlis penyerahan kunci bangunan surau yang baru siap dibina dan simbolik tanaman pokok dari spesies kapur dan merawan.



USIM TERIMA 50 PELAJAR SULUNG KOLEJ PERMATA INSAN

Oleh: Pusat PERMATA Insan

Pusat PERMATA Insan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menerima kumpulan sulung seramai 50 orang pelajar yang akan mengikuti pengajian peringkat menengah Asas 1 (Tingkatan 1) di Kolej PERMATA Insan USIM. Kumpulan pertama ini yang terdiri daripada 30 pelajar lelaki dan 20 pelajar perempuan merupakan pelajar terpilih dari seluruh negara yang telah mendaftar pada 17 Januari lepas.

Menurut Pengarah Pusat PERMATA Insan, Prof. Datuk Dr Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim, matlamat PERMATA Insan adalah untuk menjana cendekiawan Islam di kalangan anak-anak Islam yang boleh dibanggakan. Justeru, pada tahun 2010 penaung PERMATA melihat potensi yang amat baik untuk USIM membangunkan program anak-anak IQ tinggi. Tanggungjawab ini merupakan amanah dan cabaran Pusat PERMATA Insan untuk berusaha membangunkan dari peringkat awal melalui perbincangan dengan pakar-pakar rujuk, mengikuti seminar dan bengkel serta lawatan kerja ke luar negara untuk mendalami modul-modul sehinggalah kini Pusat PERMATA Insan berdiri sendiri dengan modulnya tersendiri.

“Kami bersetuju dengan pandangan pakar-pakar rujuk bahawa untuk menjana anak-anak ini, ia haruslah dimulakan seawal usia 8 tahun yang mana pada peringkat ini anak-anak

sudah boleh membaca, mampu menunjukkan kebolehan dan keupayaan serta perkembangan positif dari segi pergaulan dengan persekitaran dan rakan-rakan sebaya. Melalui cara ini, barulah kita dapat melihat hasil dan perkembangan positif yang berlaku pada anak-anak pada masa akan datang,” tambah Datuk Dr Mizan.

Program PERMATA Insan yang diamanahkan kepada USIM untuk dilaksanakannya merupakan kesinambungan dan perluasan daripada Program PERMATA yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perdana Menteri seperti PERMATA Negara, PERMATA pintar dan PERMATA Seni. Program ini merupakan strategi menjana cendekiawan Islam dari bakat anak-anak kecil pintar dari seluruh Malaysia seawal usia 8 tahun. Kanak-kanak yang terpilih seterusnya akan mengikuti kurikulum khas Permata Insan yang mengandungi empat (4) komponen penting iaitu Modul Pintar al-Quran dan al-Sunnah, Modul Bahasa Arab, Modul Bahasa Inggeris dan Modul Pembangunan Insaniah sehingga berusia 12 tahun.


Program PERMATA Insan dirancang bagi memartabatkan Al-Quran dan As-Sunnah sebagai panduan dan amalan kehidupan seharian serta merupakan satu usaha yang khusus untuk melahirkan Muslim Nobel Laureates dan Future Leaders yang berpersonaliti Al-Abra (Noble)

dalam bidang sains dan teknologi serta mampu mengintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli.

Adik Irfan Ezani bin Shuhaimi, 13, berasal dari Johor dan bekas pelajar Sekolah Kebangsaan Taman Perling Johor melahirkan rasa teruja kerana terpilih menjadi salah seorang pelajar Kolej PERMATA Insan. Anak sulung dari lima beradik ini bercita-cita ingin menjadi seorang arkitek dan berjanji akan belajar bersungguh-sungguh sepanjang berada di sini yang turut mendapat 5A dalam peperiksaan UPSR yang lepas.

Adik Ahmad Faiz Yazid, 13, yang petah berkata-kata merupakan Johan Pidato Piala Diraja peringkat Kebangsaan tahun 2013 hingga 2014. Faiz yang merupakan anak tunggal dan bekas pelajar Sekolah Kebangsaan Parang Puting, Kota Bharu Kelantan turut mendapat tawaran daripada sekolah dan kolej terkemuka Negara tetapi memilih Kolej PERMATA Insan kerana kurikulumnya yang unik menggabungkan ilmu Al Quran dan Sunnah.

Manakala adik Hasya Amalina Adnan, 13, bekas pelajar Sekolah Kebangsaan Padang Berampah, Sipitang Sabah berasa sangat gembira dan tidak sabar untuk belajar di Kolej ini yang mana berbeza dari sekolah biasa kerana suasana pembelajaran di dalam universiti.



GOALS ANJUR E-PEMBELAJARAN KOLLOKSIUM KALI PERTAMA

Oleh : Syazlyna Jamil

Pusat Akses Pembelajaran Terbuka Global atau Global Open Access Learning Centre (GOAL Centre) terus menyahut sasaran dasar e-Pembelajaran Negara bagi membangun, melaksana dan melestarikan e-pembelajaran di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melalui penganjuran kolokium e-Pembelajaran pada 23 Jan lalu.

Salah satu output yang disasarkan kepada GOAL Centre adalah untuk menghasilkan e-kandungan yang unik (unique academic online content) melalui integrasi ilmu Naqli dan Aqli, agar seterusnya dapat menghasilkan satu bentuk perubahan mampan dalam proses pemindahan atau perkongsian pengetahuan dan penglibatan masyarakat (sustainable change in knowledge transfer and community engagement).

Antara objektif penganjurannya adalah sebagai platform perkongsian maklumat tentang e-pembelajaran secara lebih formal dan berunsur akademik, melahirkan lebih ramai individu yang cakna dengan teknologi pembelajaran semasa dan menjadi sumber rujukan dan perbincangan berkenaan e- pembelajaran oleh warga USIM dan juga warga IPTA seluruh negara dan serantau.



Ini kerana teknologi boleh memainkan peranan yang meluas dalam meningkatkan ekuiti dan akses, dan memberi ruang kepada para pendidik untuk memperibadikan pembelajaran dan pengajaran dengan memperbanyakkan penglibatan pelajar melalui pelbagai kaedah yang interaktif dan inovatif.

Menurut Pengarah GOAL Centre, Profesor Dr. Rozhan Mohammed Idrus menyatakan bahawa teknologi telah dan akan terus memainkan peranan penting dalam menggalakkan kesamarataan kepada mereka yang berhasrat mengejar pendidikan.

Seramai 30 peserta dan 15 pembentang yang menyampaikan pembentangan kertas penyelidikan. Pemenang Anugerah Kertas Penyelidikan Terbaik dimenangi oleh Encik Akhdiat Abd Malek dari Fakulti Pengajian Bahasa dan Utama yang bertajuk Online Language Learning Component in the English Language Support Programme: Perceptions of Universiti Sains Islam Malaysia's First Year Undergraduates. Majlis dirasmikan oleh Prof. Dato' Dr. Mustafa Mohd Hanefah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).

USIM LANCAR ISLAMIC SPA & BEAUTY DAN KLINIK PERUBATAN KOMPLIMENTARI

Oleh : Noorumaina Mohamed Yunus

Pusat Kesihatan Universiti, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) akan menubuhkan Islamic Spa & Beauty serta Klinik Perubatan Komplimentari USIM yang dijangka beroperasi pada bulan Mac nanti.

Pengarah Pusat Kesihatan Universiti Dr. Nik Mohd Shafikudin Md Taujuddin berkata, kos yang diperuntukkan sebanyak RM20 ribu untuk pembelian peralatan yang akan memberi perkhidmatan seperti di salon kecantikan iaitu rawatan facial, slimming dan mandian sauna.

"Islamic Spa & Beauty akan menampilkan keunikan tersendiri dan pelanggan tidak perlu risau tentang penjagaan aurat atau percampuran lelaki dan perempuan, kerana tujuan klinik dan spa ini ditubuhkan adalah untuk memberikan perkhidmatan yang memenuhi tuntutan syariah kepada warga USIM dan masyarakat sekitar".



"Penubuhan Klinik Perubatan Komplimentari adalah sebagai mengangkat semula kaedah perubatan Nabawi dan perubatan traditional, selain mengumpulkan dan mengembangkan ilmu dan tenaga pakar perubatan komplimentari sedia ada. Antara perkhidmatan yang ditawarkan adalah seperti rawatan bekam sunnah, bekam klinikal, akupunktur, akupunktur Kecantikan, akupunktur Pelansingan, urutan terapeutik, rawatan tulang belakang dan rawatan Rukyah", jelas beliau.

Turut hadir pada malam itu Ketua Bahagian Hal Ehwal pelajar, Encik Nasrul Hakim Ahmad, dan Encik Muhammad Rahmat Abdullah, Pengarah Pusat Perumahan Pelajar.



USIM DEKATI MASYARAKAT MELALUI KARNIVAL PAGOH

Oleh : Syazlyna Jamil

Bertemakan “Kesihatan Permata Kehidupan, Ekonomi Menjana Kesejahteraan”, Karnival Kesihatan dan Ekonomi Parlimen Pagoh 2015 anjuran Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bersama Biro Integrasi Kaum Parlimen Pagoh, Pusat Khidmat Adun Jorak dan Ahli Parlimen Pagoh telah diadakan di Dewan Sek. Keb. Sri Bukit Pasir, Dun Jorak pada 30 Januari hingga 1 Februari 2015.

Karnival diadakan bertujuan mencapai objektif Penyelidikan “Consultation on Strategic Planning Of Community Development Through Social Auditing In The Pagoh Constituency” yang merupakan naungan YAB Timbalan Perdana Menteri. Melaluinya, USIM dilantik sebagai ahli perundingan dalam menjalankan kajian selama tempoh dua tahun (Ogos 2014-Julai 2016).

Menurut Prof. Dato’ Dr. Musa Ahmad, Naib Canselor USIM, penganjuran Karnival Kesihatan & Ekonomi Parlimen Pagoh 2015 amat bersesuaian dengan bidang bitara USIM dalam pengajian Islam serta sains dan misi dalam menjadi sebuah institusi ilmu yang terkehadapan berteraskan integrasi ilmu Naqli dan ilmu Aqli bagi menyelesaikan isu-isu masyarakat dan Islam.

Pengisian program selama tiga (3) hari ini mempunyai kelainan antaranya gotong royong di Kampung Permatang Pasir, kampung Parit Sharif, dan kampung Sg.Raya dan ceramah berkaitan Cegah Aedes & Denggi dan Bahaya Kencing Tikus yang disampaikan oleh Dr. Rahman Omar daripada Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan USIM.

Perkhidmatan Home-visit pula diwakili oleh jururawat daripada KPJ Bandar Maharani, pelajar FPSK USIM dan juga doktor perubatan USIM. Home-visit ini mengutamakan pemberian perkhidmatan kesihatan kepada warga emas. dan juga sebuah Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dibawah kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat juga turut dilawati untuk diberikan khidmat pemeriksaan kesihatan.

Aktiviti lain yang diatur sepanjang karnival berlangsung adalah pameran kesihatan percuma (mata, telinga, gigi) dengan kerjasama oleh KPJ Muar dan Pejabat Kesihatan Daerah, pameran pendidikan oleh USIM malah penduduk kampung berpeluang merasai pengalaman menderma darah disamping menyertai aktiviti sukaneka, senamrobik dan walkathon disediakan untuk menggalakkan penduduk kampung mengamalkan cara hidup sihat.





KEMBARA: MENDAKAP AWAN DI PUNCAK GUNUNG KINABALU

Oleh : Zaini Othman

Tanggal 23 Januari 2015 mencipta sejarah dan kenangan terindah buat 21 orang pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) apabila berjaya menawan Gunung Kinabalu yang berketinggian 4095m dari paras laut. Lebih manis lagi apabila pengalaman kali pertama ini diraikan bersama-sama dengan Naib Canselor USIM, Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad dan beberapa pegawai USIM lain yang turut sama mendaki. Para pelajar ini merupakan peserta program khas Universiti iaitu Young Muslim Leaders of the Future (YMLF) yang diurusetiaikan di bawah Pejabat Naib Canselor.

Para peserta terbang ke Sabah pada 20 Januari dengan pengisian santai pada hari pertama iaitu berkunjung ke Kolam Air Panas Poring dan Fish Massage Tagal Sungai Moroli.

Menurut salah seorang peserta, Muhamad Amirul Razali, pelajar Fakulti Syariah dan Undang – undang (FSU), misi pendakian bermula pada hari kedua dan para peserta diberikan taklimat sebelum memulakan pendakian sekitar sekitar jam 10.00 pagi sambil diiringi beberapa Mountain Guide. “Terdapat dua fasa pendakian iaitu dari titik permulaan ke Laban Rata iaitu sejauh 6 KM dan dari Laban Rata ke Puncak Gunung Kinabalu sejauh 2.7 KM dan Sekitar jam 7.30 malam, semua peserta selamat tiba di Laban Rata.” Katanya lagi.

Selepas menikmati makan malam dan rehat, pada jam 3.30 pagi para peserta memulakan pendakian fasa dua dan perlu sampai ke pintu gerbang puncak sebelum jam 5.00 pagi.

Azan tanda kejayaan dilaungkan peserta dipuncak gunung Kinabalu apabila kumpulan kaki pada jam 6.30 pagi diikuti kumpulan berikutnya secara berperingkat. Bergema nyanyian lagu USIM Terus Maju, kibaran megah bendera Universiti dan sesi fotografi kenang-kenangan merupakan detik indah yang dirasakan peserta semasa berada dipuncak”.

Hari terakhir di Negeri Dibawah Bayu, walaupun keletihan dan penat kaki masih terasa, para peserta mengambil peluang membeli-belah di pasar Filipina dan menghayati keindahan sekitar bandaraya Kota Kinabalu. Jam 7.00 malam, mereka berlepas pulang ke Semenanjung bersama memori manis mendakap awan Kinabalu.



USIM TUAN RUMAH SUKNES@U 2015

Oleh : Zaini Othman

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menjadi tuan rumah penganjuran Sukan Mahasiswa Negeri Sembilan atau singkatannya SUKNES@U 2015 yang berlangsung pada 8 hingga 10 Februari 2015.

SUKNES merupakan anjuran Pertubuhan Mahasiswa Negeri Sembilan (MANIS) dengan kerjasama Pusat Sukan USIM dan mendapat sokongan Kerajaan Negeri Sembilan dan Yayasan Negeri Sembilan (YNS) dan menghimpunkan lebih daripada 19 IPTA dan 3 IPTS seluruh Malaysia.

Ia amat dinantikan oleh mahasiswa Negeri Sembilan ini kerana ia satu-satunya kejohanan sukan yang mana para pesertanya hanya terdiri dari anak-anak Negeri Sembilan dan sedang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) diseluruh Negara.

Kejohanan kali kedua anjuran Pertubuhan Mahasiswa Negeri Sembilan (MANIS) adalah dengan kerjasama



Pusat Sukan USIM dengan sokongan Kerajaan Negeri Sembilan dan Yayasan Negeri Sembilan (YNS) menghimpunkan lebih dari 19 IPTA dan 3 IPTS seluruh Malaysia. Seramai 1500 orang peserta yang turut serta dalam acara sukan yang dipertandingan dengan tujuan memberi manfaat kepada pembentukan insaniah mahasiswa disamping mengeratkan hubungan dan memupuk perpaduan dalam kalangan anak Negeri Sembilan.

Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah disampaikan oleh YAB Datuk Seri Utama Mohamad Hassan, Menteri Besar Negeri Sembilan.

Acara yang di pertandingkan sebanyak 9 permainan melibatkan acara sukan teras seperti futsal, bola jaring, bola tampar lelaki dan wanita, sepak takraw serta ping pong dan sukan rakyat seperti tarik tali, tarik upih, guli dan galah panjang. Kesemua acara ini berlangsung di Kompleks Sukan Tunku Najihah USIM.

KOLEJ KEDIAMAN PERTAMA GAH DI SUKOL 2015

Oleh: Zaini Othman

Sukan Antara Kolej Kediaman (SUKOL) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 2015 menyaksikan Kolej Kediaman Pertama (KK1) muncul johan keseluruhan dalam edisi kelima SUKOL kali ini.

Berlangsung dari 21 hingga 29 Mac di Pusat Sukan USIM, seramai 1722 atlet dari 7 buah kolej kediaman mengambil bahagian dalam 14 acara yang dipertandingkan seperti bola sepak, futsal, catur, ping-pong dan tenpin bowling.

Kontinjen KK1 yang diketuai oleh Muhammad Hafiz Jalil yang menghantar seramai 80 atlet menunjuk penguasaan bergaya apabila mengumpul 40 mata hasil kutipan 4 pingat emas, 6 perak dan 1 gangsa. Pingat emas disumbangkan melalui acara Badminton Berpasukan, Bola Jaring, Olahraga Lelaki dan Olahraga Wanita.

“Kejayaan ini adalah hasil persiapan baik yang dilakukan oleh Kolej terutama dalam memilih atlet berpotensi melalui sesi saringan yang diadakan. Semangat juang dan kesukanan tinggi mereka amat



saya kagumi walaupun tidak dijanjikan ganjaran. InsyaAllah, kita usahakan majlis penghargaan yang sesuai untuk mereka nanti” ulas Dr Khairunneezam Mohd Noor selaku Pengetua KK1.

Majlis perasmian penutup SUKOL yang dirasmikan oleh Y. Bhg. Profesor Dato’ Dr. Musa Ahmad, Naib Canselor USIM yang turut dihadiri Prof Dato’ Dr. Mohamad Asin Dollah, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dan kakitangan Kolej Kediaman.

SUKOL yang diurusetikan oleh Pusat Perumahan Pelajar diadakan secara tahunan oleh kolej-kolej kediaman di USIM secara penggiliran. Pada kali ini, Kolej Kediaman Sutera Indah (KKSI) menjadi penganjurnya yang dipengerusikan oleh Dr Nik Shafikudin Nik Tajuddin selaku Pengetua KKSI.



MEMBANGUN DAN MAJU BERSAMA

GST...Ready, Set, Go!

By : Suhaila Abdul Hamid

Senior Lecturer at the Faculty of Economics and Muamalat, USIM
who holds a PhD in Taxation from New Zealand

1 April 2015 will always be remembered by many Malaysians. It marks the day when Goods and Service Tax (GST) kicks off which transforms the taxation system in this country. Historically, the taxation system in this country has gone through many changes. Among the significant ones is the implementation of Self-Assessment System (SAS) which has been in full operation since 2005 and replaced the then Official Assessment System (OAS). However, this time, the impact is felt by more people since GST is a consumption tax, a tax which is imposed by how much we consume on certain goods and services, instead of taxing on income earned by persons.

The idea of introducing GST in Malaysia started when it was first announced in the 2005 Budget. The government later postponed the implementation and tabled the GST proposal for its first reading in 2009 for 2011 implementation. The bill however, was withdrawn in 2010 and in the 2014 Budget, it was announced that GST will be implemented in Malaysia commencing 1 April 2015 which gives 14 months for businesses to be prepared.

Goods and Service Tax is an indirect, broad based consumption tax which replaces the Sales and Service Tax (SST). Being indirect means that it is levied on the supply of goods and services rather than directly on income. It is levied at every point of supply in a production chain up to the retail distribution point. The tax imposed should not become a cost to the business since the input tax in the previous stage is claimable at the next stage of the supply chain. Broad based means, it applies to all transactions unlike SST which is imposed to limited sales transactions on certain types of goods. Briefly, with GST all goods and services made in Malaysia or imported into Malaysia are subject to tax at 6%. However, there are certain goods and services which carry 0% tax rate or exempted from GST as


announced by the Ministry of Finance.

Why GST? A good tax policy normally addresses the issues of equitable tax burden, minimizing economic distortion, easy to understand tax law, low compliance cost and provide adequate revenue to the government. GST which has been implemented in more than 160 countries throughout the world has

most of these characteristics to form an efficient tax system. A research conducted by CIMB Investment Bank suggests that with the implementation of GST in Malaysia, it can reduce the over-reliance on oil related revenue. The narrow tax revenue base which comes from direct tax such as corporate and personal income tax, as well as the SST does not provide a good sign for stable economy in the long run. For example, the population of Malaysia is around 28 Million but less than 2 Million people paid income tax. It is expected that

GST will increase business efficiency and transparency and bring greater tax compliance since it is a multi-stage tax. Subsequently it increases the revenue which allows for more funding for social economic developments, reduces the corporate and personal income tax rates or abolishes certain taxes.

The introduction of a new tax will always create uneasiness which can be seen for instance from the early stage of SAS implementation. Among the arguments is that GST is a regressive tax since people have to pay more in proportion to their income. However, essential items such as basic food stuffs and critical services for example healthcare, are either zero-rated or exempted from GST which will help the public to cope with their daily life. Educating Malaysians on GST is important and the authorities must take action on dishonest business people who want to take advantage of the GST to ensure a successful implementation.





BICARA SISWI AKTIVITI RIADAH KUPAS ILMU BERKAITAN WANITA

Oleh: Siswi Majlis Perwakilan Pelajar

Bicara Siswi merupakan program mingguan setiap hari Jumaat di bawah anjuran Majlis Perwakilan Pelajar bagi mengisi masa lapang sewaktu Muslimin menunaikan solat Jumaat. Setiap minggu pelbagai topik menarik yang dibincangkan bersama para panel yang terdiri daripada mahasiswi, pensyarah dan juga melibatkan kakitangan wanita dan orang luar.

Platform ini dilihat dapat menjadi medium untuk membangun akal dan jiwa mahasiswi USIM khususnya dengan pendedahan tentang isu-isu semasa dan kupasan tajuk-tajuk yang lebih matang.

Pada Jumaat 3 April 2015, Istimewa Sekretariat TYDP MPP USIM 2014/2015 membawakan Pembuka Tirai Bicara Siswi Semerah Red Velvet. Seramai lebih 500 tetamu yang hadir, terdiri daripada mahasiswa, kakitangan wanita USIM dan para pelajar dan guru Permata Insan. Menariknya kali ini, Bicara Siswi telah menerima kunjungan MPP siswi dari Universiti Malaysia Sabah yang membuat lawatan ke USIM.

Majlis diserikan dengan ceramah dari Dr. Yasmin Hanani Binti Timbalan Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang yang membincangkan tajuk "anda patut dihargai".

Timbalan Yang Di-Pertua MPP, Nurul Atikah Mohammad Shafii dalam ucapannya berkata, tema kali ini membawa harapan agar semua siswi sedar hakikat betapa istimewanya kita sebagai wanita, tetapi berapa ramai siswi yang tidak menghargai dirinya sendiri dengan melakukan perkara sia-sia di alam kampus ini, kosong dari agenda pembangunan diri dan tidak kurang dengan mereka yang terlibat dengan maksiat-maksiat yang sangat menduga kredibiliti seorang mahasiswi yang lahir di Universiti Islam ini.

Di akhir majlis, turut menampilkan persembahan dari adik Permata Insan dan Kelab Taekwondo USIM juga flash mob Siswi Cakna dari sekretariat TYDP. Semoga usaha ini dapat menaikkan semangat seluruh masyarakat wanita dan mahasiswi USIM untuk bersama-sama dalam usaha membangun akal dan jiwa masyarakat USIM, memacu kepimpinan dan keilmuan siswi untuk lebih terkehadapan dan dapat memberi impak kepada universiti khususnya dan ummah amnya.

PELAJAR TAMHIDI JOHAN HAFAZAN AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN

Oleh: Noorumaina Mohamed Yunus

Usaha yang gigih serta semangat yang jitu dalam mencintai al-quran memberi pengalaman manis kepada Putri Nur Nadia binti Bakri apabila dinobatkan sebagai Johan dalam Majlis Menghafaz Al-Quran peringkat Kebangsaan kali ke 36 bagi kategori 1-20 juzuk (wanita) yang berlangsung di kedah pada 1 hingga 5 Mac 2015.

Putri, 19 berasal dari Tanah Merah Kelantan ini merupakan anak kepada pasangan Bakri bin Harun dan Tengku Mona Aliza binti Tengku Zainuddin yang melanjutkan pelajaran peringkat Tamhidi (Asasi) Sains dan Teknologi sesi 2014/2015 di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

“Saya amat bersyukur kerana telah dinobatkan sebagai johan kategori 1-20 juzuk, walaupun sibuk dengan urusan pelajaran di universiti, tetapi oleh kerana konsep naqli dan aqli yang diterapkan di USIM sedikit sebanyak membantu saya untuk menyeimbangkan kedua2nya iaitu cemerlang dalam bidang Al-Quran dan akademik”.



“Saya berpegang kepada prinsip Jika kita mengejar dunia, akhirat akan meninggalkan kita tetapi jika kita mengejar akhirat, dunia akan ikut kita dan saya yakin bahawa apabila hidup ini seiring dengan Al-Quran, hidup akan menjadi lebih bermakna dan istimewa serta kelazatan berjihad untuk memelihara kalamullah itu dapat dirasa”, tambah Putri.

Majlis ini merupakan program tahunan bawah kelolaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dimana setiap negeri di seluruh Malaysia menghantar 6 orang peserta (tiga lelaki dan tiga perempuan) untuk tiga kategori pertandingan iaitu: 1-10 juz, 1-20 juz dan 1-30 juz. Putri mula menyertai musabqah hafazan sejak tahun 2011 lagi bagi kategori 1-10 juzuk mewakili Wilayah Persekutuan dan mendapat naib johan di peringkat kebangsaan di Kuantan, Pahang.

KUMPULAN INTRACKSEE MELAKAR NAMA DI FESTMA 2015

Oleh: Noorumaina Mohamed Yunus

Kumpulan Intracksee terus mencipta nama apabila dinobatkan sebagai Johan di Festival Marhaban Harmoni V Terbuka, Universiti Putra Malaysia 1 Malaysia (FESTMA) yang diadakan di Dewan Sri Harmoni, Kolej Kelima UPM pada 8 Mac baru baru ini.

Festival ini turut disertai oleh IPTA lain antaranya ialah Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Universiti Teknologi Petronas (UTP), UNISZA dan termasuk tiga kolej kediaman UPM. Naib Johan dimenangi oleh Universiti Teknologi Petronas, manakala Tempat Ketiga dimenangi oleh Universiti Islam Antarabangsa.

Menurut Ab Rahimi Ab Rezaf, pelajar dari Fakulti Syariah dan Undang-undang berkata, mereka sangat bersyukur kerana ini merupakan pertama kali kumpulan Intracksee bertanding dalam kategori marhaban, dan kemenangan ini tidak disangka kerana berjaya mengalahkan kumpulan dari UTP yang merupakan Johan Bertahan sebelum ini.



“Latihan yang singkat selama seminggu kami manfaatkan sepenuhnya kerana kebanyakan ahli kumpulan adalah berlainan program pengajian dan jadual kuliah yang padat, itu antara cabaran yang kami hadapi sepanjang tempoh latihan”. “Kami berharap untuk lebih berusaha keras selepas ini bagi mengharumkan nama USIM dalam apa jua pertandingan yang berunsur nasyid, qasidah mahupun marhaban kerana tiada apa yang mustahil sekiranya kita berusaha dan tidak berputus asa”, tambah Rahimi selaku Ketua Kumpulan.

Johan membawa pulang wang tunai RM1000, piala pusingan dan piala iringan. Sebelum ini kumpulan Intracksee pernah memenangi Johan pada Festival Nasyid, Berzanji dan Marhaban peringkat zon Seremban, dan Naib Johan di Festival Nasyid Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM).



GISO: SYARIAH LAW CLUB (SLC) USIM ZIARAH PEKANBARU DAN PADANG

Oleh : Zaini Othman

Seramai 15 orang Ahli Kelab Syariah & Undang-Undang mengikuti Program Kembara Ilmiah Kelab Syariah & Undang-Undang (SLC), ke Pekanbaru dan Padang, Indonesia pada 20 hingga 24 Januari. Program pengantarabangsa berbentuk lawatan akademik (LA) ini menggalakkan para pelajar untuk melaksanakan “transfer knowledge” dengan pusat pengajian terpilih di sana.

Degasi yang diketuai Dr. Setiyawan Gunardi selaku pensyarah pengiring memulakan pengisian lawatan antarabangsa ini apabila pesawat yang membawa rombongan selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Syarif Kasim dari Kuala Lumpur. Ketibaan USIM di sana disambut ceria oleh urusetia dari Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim (UIN SUSKA) sebelum di bawa hotel penginapan.

Pelbagai program berbentuk akademik diatur sepanjang 5 hari 4 malam. Antaranya mengadakan Forum Antarabangsa di Islamic Center UIN SUSKA bagi membincangkan perbandingan mengenai undang-undang, syariah dan adat kebudayaan dua negara Malaysia dan Indonesia.

Selepas itu, mereka berkunjung ke Fakultas Hukum UNAND bagi membuka pemikiran baharu pelajar USIM dalam mendalami ilmu undang-undang, selain berpeluang melihat perbicaraan dalam moot court dan bertukar informasi mengenai silibus pengajian, kepimpinan dan pendedahan maklumat mengenai undang-undang dua negara serumpun ini melalui sesi perkongsian dua hala USIM-UNAND” kata Imran Razalle yang juga merupakan ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) USIM.

“Kunjungan ke Islamic Centre Bangkinang yang menjadi pusat aktiviti bagi masyarakat yang beragama Islam mengagumkan para peserta apabila dapat bersama-sama kanak-kanak seramai 100 orang yang berusia 4 hingga 7 tahun yang bersungguh-sungguh mendalami bacaan Al-Quran dan ilmu agama walaupun masih kecil”.

“Lawatan kali ini juga membawa peserta ke perkampungan di Kelok 44. Keunikan masyarakat setempat adalah menanam padi menggunakan sistem bertingkat apabila penduduknya memanfaatkan kawasan lereng bukit dan curahan air mata air semulajadi. Kedinginan Puncak Lawang dengan suhu sekitar 24-27 C yang dikelilingi panorama bukit bukau, tumbuhan hijau dan keindahan sebuah tasik dikenali Danau Maninjau ternyata menggamit perhatian peserta semasa berada di sana”, ujar Imran Razalle.

Semasa di Bukit Tinggi, peserta di bawa menerokai Lobang Jepang, iaitu destinasi wajib dilawati yang merupakan satu laluan bawah tanah yang di bina oleh tentera Jepun pada masa dahulu untuk dijadikan tempat persembunyian, penyimpanan senjata, harta rampasan dan sebagai lubang untuk mengintip masyarakat aktiviti masyarakat setempat.

Lawatan ini telah memberi ruang kepada mereka untuk meningkatkan kemahiran berfikir secara kreatif, kemahiran insaniah, pembangunan modal insan, selain membuka ruang kepada peserta untuk menyantuni dan mendekati sosio-budaya masyarakat setempat di Pekanbaru dan Padang khususnya masyarakat Kampar dan Minang yang sinonim dengan beberapa kawasan di Negeri Sembilan.



SUKARELAWAN USIM BANTU MANGSA BANJIR

Oleh: Noorumaina Mohamed Yunus

Seramai lebih 300 sukarelawan SMART Team USIM yang terdiri daripada gabungan Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisan USIM (PRAGMATIS), Jabatan Keselamatan, Pusat Kesihatan, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Sekretariat Kesukarelawan Mahasiswa (SKM) bersama-sama berganding bahu meringankan beban mangsa dengan melaksanakan misi bantuan pasca banjir di Kelantan dan Pahang sejak awal Januari lalu.

Operasi pertama bermula di Kg Lebir, Gua Musang pada 2 hingga 4 Januari, dan diteruskan pula pada 8 hingga 9 Januari 2015. Operasi seterusnya diteruskan pada 7 Januari 2015 ke Temerloh, kumpulan dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu pada 8 Januari ke Jerantut dan Gua Musang. Pada 12 hingga 14 Januari pula, sukarelawan memulakan operasi ke SMK Sultan Yahya Petra 1 dan SMK Laloh, Kuala Krai Kelantan. Seterusnya pada 17 hingga 19 Januari misi diteruskan ke SK Limau Kasturi, Gua Musang.

Bantuan memfokuskan kepada pembersihan masjid, dewan orang ramai, sekolah dan kediaman penduduk serta pengagihan barangan berupa makanan seperti beras, tepung, gula, makanan segera dalam tin, barang keperluan harian seperti sejadah, pakaian dan air mineral. Peralatan seperti khemah, mesin air, tong turut dibawa dari USIM untuk melancarkan proses pembersihan dijalankan.

Seramai 33 sukarelawan termasuk pelajar dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) dan Fakulti Pergigian (FPg) USIM turut serta dalam misi bantuan ke Kg Gintong, Jerantut Pahang bagi menjayakan bantuan pemeriksaan kesihatan dari rumah ke rumah. Mereka turut membuka klinik di balairaya yang turut dibantu oleh 45 sukarelawan dari Hospital Sime Darby.

Sumbangan dalam menjayakan misi bantuan mangsa banjir di Jerantut dan Temerloh ini turut mendapat kerjasama penuh daripada Tabung Haji

Properties berbentuk keperluan asas memasak, kelengkapan dan alat mandi, kelengkapan solat untuk Muslim serta 5 unit 'water jet' untuk kemudahan pembersihan di kawasan-kawasan yang terjejas.

"Bantuan yang dihulurkan adalah diharapkan sedikit sebanyak membantu mangsa banjir dan diharapkan jalinan kerjasama dengan pihak USIM berterusan untuk meningkatkan semangat tolong-menolong dan prihatin dalam menangani bencana alam di Malaysia," ujar En. Zin selaku wakil dari TH Properties.

Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad, Naib Canselor USIM turut meluangkan masa menyertai misi bantuan banjir ke Kg. Lebir Gua Musang, bersama Timbalan Naib Canselor HEPA, Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah dan Pendaftar USIM Encik Haizuan Rozali. Pengurusan Tertinggi universiti ini turut menyelami perasaan sedih penduduk kampung dengan memberi kata-kata semangat dan kesabaran menempuh ujian dari Allah.

"Susulan Mesyuarat Khas Ops Banjir yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha II Kementerian Pendidikan telah diadakan pada 31 Disember lalu, USIM telah diberi tanggungjawab untuk memfokuskan misi bantuan dan sukarelawan pasca banjir ke Gua Musang, Kelantan. Tidak dapat dinafikan bahawa Negeri Kelantan menjadi antara negeri yang menerima kesan terbesar dalam ujian banjir kali ini", tambah Dato' Musa.

Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad, Naib Canselor USIM mengucapkan terima kasih kepada para sukarelawan yang terlibat dan berharap khidmat bakti yang dihulurkan memberi sedikit kelegaan kepada mangsa banjir bak kata pepatah 'Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul', ucap beliau semasa menyertai operasi bantuan banjir di Kg. Lebir Gua Musang.

KUNJUNGAN ANTARABANGSA



- 1 Kunjungan hormat ke atas YBhg. Dato Naib Canselor oleh wakil daripada Kementerian Kesihatan Sudan dan Sudan National AIDS Programme untuk merealisasikan kerjasama dengan pihak Pusat Penyelidikan dalam Penyalahgunaan Dadah (AcREDA) hasil daripada lawatan kerja USIM ke Sudan pada Oktober 2014.
- 2 Kunjungan Hormat Dari Chairman Of The Council Islamic Chinese Relation.
- 3 Prof Dr Khaleed Saad Al-Khamesy, President British University in Yemen (BUY) mengetuai delegasi lawatan ke USIM bagi membincangkan kerjasama dan program antara kedua institusi dan ke arah memeterai perjanjian MoU.
- 4 Kunjungan Hormat daripada En. Mohammad Danny bin Aimi Ataci Pelajaran & Kebudayaan Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam, Kuala Lumpur membincangkan hal ehwal pelajar Brunei di USIM dan peluang kemasukan pelajar Brunei ke USIM.
- 5 Lawatan Kerja Rasmi Dari University Of Darussalam Gontor (UNIDA).
- 6 Kunjungan Hormat Dari University of Africa Sudan
- 7 Lawatan Kerja ke USIM diketuai oleh Prof. Mustafa A. A. Roshash, Naib Canselor, Zanzibar University, Tanzania yang mana julung kali diterima daripada Tanzania membuka peluang kerjasama dengan rakan strategik daripada benua Afrika.
- 8 Kunjungan Hormat Dari Ministry Of Education Jordan.

Syor masukkan isu godam dalam Akta Antikeganasan

Kuat kuasa undang-undang atas masalah godaman laman web internet

Ini bukan sekadar soal keselamatan, malah soal keselamatan. White House dan Cyber Security Agency...



AMAHAD HAIDZ MUHAMMAD AFIQ AHMAD FAIZ YAZID

Pelajar tidak sabar ikuti program Permata Insan

Sebelum ini, pelajar yang mengikuti Program Permata Insan...

Go beyond the rhetoric

It is often said that a crisis passes and nothing changes. But if we need to make sure that things right but also that there is no return to the status quo...

There have been many cries of 'not in my name' in the wake of the 9/11 attacks. The rhetoric of 'not in my name' is often used to distance oneself from the actions of others...

Prestasi USIM membanggakan

USIM meraih banyak kejayaan dalam pertandingan antarabangsa...

USIM meraih banyak kejayaan dalam pertandingan antarabangsa...

Penyertaan ICC buka peluang Palestin menuntut keadilan

Penyertaan ICC membuka peluang Palestin menuntut keadilan...

Pelajar aliran agama BUKAN KELAS KEDUA

Mereka sudah ada pelbagai pencapaian mengunggulkan dan meraih kejayaan cemerlang

Pelajar aliran agama bukanlah kelas kedua. Mereka sudah ada pelbagai pencapaian mengunggulkan dan meraih kejayaan cemerlang...

Dinamika wakaf instrumen pembangunan sosioekonomi ummah

Wakaf sebagai instrumen pembangunan sosioekonomi ummah...

Wakaf sebagai instrumen pembangunan sosioekonomi ummah...

Misi kembara Usim ke Makassar

Sebelum ini, Usim telah melaksanakan misi kembara ke Makassar...



Sebelum ini, Usim telah melaksanakan misi kembara ke Makassar...

13 Keelr dilantik Felo Kehormat di USIM

13 orang dilantik sebagai Felo Kehormat di USIM...

13 orang dilantik sebagai Felo Kehormat di USIM...

USIM sasar jadi pusat rujukan dakwah

USIM sasar jadi pusat rujukan dakwah...

USIM sasar jadi pusat rujukan dakwah...

USIM sasar jadi pusat rujukan dakwah

USIM sasar jadi pusat rujukan dakwah...

USIM sasar jadi pusat rujukan dakwah...

Graduan perubahan USIM amal pendekatan Islamiah

Graduan perubahan USIM mengamalkan pendekatan Islamiah...

Graduan perubahan USIM mengamalkan pendekatan Islamiah...

Kembara ke kota purba

Kembara ke kota purba...

Kembara ke kota purba...

Pasukan khas bersih rumah mangsa

Pasukan khas membersihkan rumah mangsa...

Pasukan khas membersihkan rumah mangsa...

Latih bagaimana untuk berfikir

Latih bagaimana untuk berfikir...

Latih bagaimana untuk berfikir...

SUKAN MAHASISWA ANAK NEGERI SEMBILAN

Sukan Mahasiswa Anak Negeri Sembilan...

Sukan Mahasiswa Anak Negeri Sembilan...

HELLO KAMPUS

HELLO KAMPUS...

HELLO KAMPUS...

Fairus wakil tunggal negara ke AUF'13 di Bangkok

Fairus wakil tunggal negara ke AUF'13 di Bangkok...

Fairus wakil tunggal negara ke AUF'13 di Bangkok...

PROVIDING CHEER

PROVIDING CHEER...

PROVIDING CHEER...

USIM sasar jadi pusat rujukan dakwah

USIM sasar jadi pusat rujukan dakwah...

USIM sasar jadi pusat rujukan dakwah...

AKSIS milik Safwan

AKSIS milik Safwan...

AKSIS milik Safwan...

Zulkiple dilantik Timbalan Naib Canselor USIM

Zulkiple dilantik Timbalan Naib Canselor USIM...

Zulkiple dilantik Timbalan Naib Canselor USIM...

USIM signs MoU with two leading Nigerian universities

USIM signs MoU with two leading Nigerian universities...

USIM signs MoU with two leading Nigerian universities...

Mahasiswa anak Negeri Sembilan berentap dalam SUKNES@U

Mahasiswa anak Negeri Sembilan berentap dalam SUKNES@U...

Mahasiswa anak Negeri Sembilan berentap dalam SUKNES@U...

JSIM, universiti Nigeria meterai MoU

JSIM, universiti Nigeria meterai MoU...

JSIM, universiti Nigeria meterai MoU...

Shaping tertiary needs through global meet

Shaping tertiary needs through global meet...

Shaping tertiary needs through global meet...

USIM sasar jadi pusat rujukan dakwah

USIM sasar jadi pusat rujukan dakwah...

USIM sasar jadi pusat rujukan dakwah...

STATUS AUTONOMI

STATUS AUTONOMI...

STATUS AUTONOMI...

Perpustakaan mini kejiranan

Perpustakaan mini kejiranan...

Perpustakaan mini kejiranan...

Act against open burning

Act against open burning...

Act against open burning...

Mohamad Husaini wakil Malaysia ke tilawah al-Quran antarabangsa

Mohamad Husaini wakil Malaysia ke tilawah al-Quran antarabangsa...

Mohamad Husaini wakil Malaysia ke tilawah al-Quran antarabangsa...

Tesco peruntuk RM500,000 bina

Tesco peruntuk RM500,000 bina...

Tesco peruntuk RM500,000 bina...

Transformasi dakwah

Transformasi dakwah...

Transformasi dakwah...

Kem bersepadu tingkat jati diri

Kem bersepadu tingkat jati diri...

Kem bersepadu tingkat jati diri...

USIM sasar jadi pusat rujukan dakwah

USIM sasar jadi pusat rujukan dakwah...

USIM sasar jadi pusat rujukan dakwah...

USIM sasar jadi pusat rujukan dakwah

USIM sasar jadi pusat rujukan dakwah...

USIM sasar jadi pusat rujukan dakwah...



RM 35.00
USD 14.00

ISSN 2232-0431




RM 29.90
USD 13.00

e-ISBN 978-967-440-089-7



RM 89.90
USD 30.00

e-ISBN 978-967-440-123-8



RM 29.90
USD 13.00

e-ISBN 978-967-440-125-2



Official Website: penerbit.usim.edu.my
Jurnal Website: ujournal.usim.edu.my
Online Store: mybookstore.usim.edu.my
Facebook: www.facebook.com/penerbitUSIM